

08 MAR 2002

Mahathir-Pilihan raya

PRESTASI BN LEBIH BAIK PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, KATA PM

SIK, 8 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan keyakinan bahawa Barisan Nasional (BN) akan mencapai prestasi yang lebih baik dalam pilihan raya umum akan datang berbanding pada pilihan raya umum lepas.

"Sekiranya pilihan raya umum diadakan pada bila-bila masa pun, prestasi kita akan lebih baik berbanding pilihan raya umum 1999," katanya kepada pemberita selepas majlis mesra rakyat di sini.

Beliau berkata ini berdasarkan kepada sambutan menggalakkan yang ditunjukkan oleh rakyat sekarang.

Dr Mahathir berkata ramai rakyat yang dahulunya terpisah daripada Umno kini sudah kembali kepada parti dan ia merupakan satu petanda baik.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata semua anggota Umno mesti keluar berkempen untuk menyatupadukan orang Melayu dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata ini penting bagi melihat hasrat mendirikan kerajaan yang kuat pimpinan Umno terlaksana untuk menjamin kedudukan orang Melayu di negara ini.

"Sekiranya Umno lemah, sukar untuk kita menentukan kedudukan orang Melayu dan agama Islam di negara ini," kata beliau.

Perdana Menteri turut mengingatkan rakyat supaya tidak menyokong Pas yang sanggup melakukan apa sahaja untuk melihat impian mereka memenangi pilihan raya tercapai.

"Saya harap orang Sik tidak buat salah sekali lagi dengan memilih wakil rakyat yang jadi ahli mencarut," katanya.

Pada pilihan raya umum lepas, Datuk Shahnnon Ahmad daripada Pas yang menulis buku berkontroversi "Shit" memenangi kerusi parlimen Sik setelah menewaskan Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman daripada BN.

Dr Mahathir berkata Pas kini mahu bersandiwara tetapi dalam masa yang sama menuduh orang lain bersandiwara.

Merujuk kepada hasrat Pas mahu merakamkan pantomin yang didakwa akan menggambarkan keadaan sebenar peristiwa Memali 17 tahun lepas dan diedarkan ke seluruh negara, Perdana Menteri berkata:

"Pas sebenarnya yang bersandiwara. Rakyat sudah lama tahu."

Menyentuh aspek lain, beliau berkata penduduk Islam di seluruh dunia lemah dan ditindas oleh bangsa lain disebabkan tidak wujud perpaduan sesama sendiri.

"Bangsa lain kuat disebabkan mereka bersatu walaupun jumlah mereka kecil di sesebuah negara. Kita tidak mahu bangsa Melayu turut berpecah di negara ini," katanya.

-- BERNAMA

MAN NMO